



NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	UTUSAN.COM.MY	SECTION:	BERITA - NASIONAL
DATE:	THURSDAY, 21 APRIL 2016	PAGE NO.:	1 OF 2
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	DSA 2016 PALING BERJAYA		

Jumaat 22 April 2016 | 14 Rajab 1427

Utusan ONLINE arkib berita

Mobile LIVE UM TV f t

Berita Video Rencana Hiburan Bisnes Pendidikan Sains & Teknologi Gaya Hidup Sukan Lain-lain

TERKINI UTAMA NASIONAL POLITIK PARLIMEN WILAYAH LUAR NEGARA JENAYAH MAHKAMAH KOMUNITI NAHAS & BENCANA

Utusan Online / Berita / Nasional /

DSA 2016 paling berjaya

Nilai kontrak RM2.9 bilion, pengunjung meningkat

22 April 2016 12:26 AM

[Share](#) [Tweet](#) [Google +](#)



HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN bersama Mohd. Johari Baharum (tiga dari kanan), Zulkifeli Mohd. Zin (dua dari kanan) dan Abdul Rahim Mohamad Radzi (empat dari kiri) dalam majlis penghargaan sempena Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

KUALA LUMPUR 21 April - Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016 dianggap paling berjaya dalam sejarah sejak acara itu mula dianjurkan 28 tahun lalu

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	UTUSAN.COM.MY	SECTION:	BERITA - NASIONAL
DATE:	THURSDAY, 21 APRIL 2016	PAGE NO.:	2 OF 2
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	DSA 2016 PALING BERJAYA		

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kontrak bernilai RM2.9 bilion telah ditandatangani sejak DSA 2016 bermula Isnin lalu.

Menurut beliau, jumlah itu menunjukkan peningkatan 56 peratus berbanding RM1.86 bilion pada DSA 2014.

“DSA 2016 mencapai nilai kontrak RM2.9 bilion dalam situasi banyak pihak beranggapan krisis ekonomi dunia tidak mengizinkan peningkatan perolehan aset.

“Ia juga membuktikan rakan-rakan kongsi kita memahami kekangan ekonomi yang kita hadapi ini adalah sementara,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penghargaan DSA 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Johari Baharum; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi.

Hishammuddin menambah, sebanyak 38,000 orang mengunjungi DSA 2016 sepanjang tiga hari lalu, melebihi sasaran 34,000 orang.

Beliau memberitahu, pihaknya sedia mempertimbangkan cadangan membuka DSA untuk kunjungan orang ramai.

“Kali ini kita benarkan orang awam yang terpilih menghadiri DSA 2016 supaya mereka boleh menjadi ‘duta’ kita,” jelasnya.

Sementara itu, Hishammuddin berharap lebih banyak negara Asia Barat akan menyertai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2017.

Menurut beliau, langkah itu akan membuka ruang yang lebih luas untuk kerjasama antara Malaysia dan negara-negara di rantau berkenaan.

“Industri pertahanan di negara-negara seperti Arab Saudi, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Kuwait juga sedang berkembang pesat,” katanya.